

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SETIA SALEHUDDIN BIN SAIDIN**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Senator Dato' Setia Salehuddin Bin Saidin minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah langkah Kerajaan dalam mempertimbangkan pelepasan cukai jualan bagi pembelian kenderaan yang digunakan sebagai alat bantuan mengajar oleh pengendali Institut Latihan Memandu; dan;
- (b) adakah pembangunan Pusat Latihan Memandu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibenarkan beroperasi di bangunan bertingkat atau dikurangkan luas kawasan Pusat Latihan Memandu seluas 5 ekar yang disyaratkan pada ketika ini bagi menangani isu tunggakan (*backlog*) permohonan untuk latihan memandu oleh orang ramai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Adalah dimaklumkan bahawa pada ketika ini tiada pengecualian cukai jualan yang diberikan, dan Kerajaan tiada mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk mengecualikan cukai jualan kepada mana-mana Institut Memandu (IM) bagi pembelian sebarang kenderaan untuk tujuan pembelajaran di IM.
2. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai jualan ke atas pembelian kenderaan yang digunakan bagi tujuan bantuan mengajar oleh IM perlu dipertimbangkan terlebih dahulu dan sekiranya terdapat sebarang permohonan daripada pihak IM, permohonan tersebut perlu dikemukakan menerusi Kementerian Pengangkutan (MOT) bagi pertimbangan oleh Kementerian Kewangan (MOF).
3. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berhubung kebenaran pembinaan IM bertingkat bagi mengurangkan kesesakan calon, Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengambil maklum akan pertanyaan mengenai penyediaan fasiliti latihan mendapatkan lesen memandu di dalam suatu infrastruktur bangunan bertingkat. Namun, cadangan ini memerlukan suatu kajian yang lanjut dan terperinci untuk meneliti aspek kesesuaian dan kebolehlaksanaannya menyediakan komponen-komponen asas latihan memandu di dalam bangunan bertingkat seperti komponen belajar berhenti secara kecemasan, mendaki dan menuruni bukit dan sebagainya. Aspek keselamatan dan keupayaannya mencapai sasaran pembelajaran dan tahap kompetensi pemandu juga perlu diberi perhatian dalam melaksanakan kajian berkaitan cadangan ini.

Sekian, terima kasih.